

AKTIVITI : KUNJUNGAN MESRA JKR WP KUALA LUMPUR DAN CKM JKR JOHOR

TEMPAT : MENARA KERJA RAYA (BLOK G)

TARIKH : 15 SEPTEMBER 2020

Satu kunjungan mesra oleh JKR WP Kuala Lumpur dan Cawangan Kejuruteraan Mekanikal (CKM) JKR Negeri Johor ke Jabatan Kerja Raya telah diadakan pada 15 September 2020. Kunjungan mesra ini adalah bertujuan dimana pelaksanaan EKSA di Jabatan Kerja Raya dijadikan contoh oleh pihak JKR WP Kuala Lumpur dan CKM JKR Negeri Johor bagi memperolehi pensijilan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA).

Kunjungan ini disambut baik oleh Jabatan Kerja Raya Malaysia yang dipengerusikan oleh Ketua Bahagian Pengurusan Kualiti, Cawangan Dasar dan Pengurusan Korporat selaku Urusetia Induk EKSA bagi Jabatan Kerja Raya Malaysia. Seterusnya, semua pegawai yang hadir dibawa berkunjung ke setiap ruang pejabat yang terpilih seperti Cawangan Kejuruteraan Awam dan Struktur, Cawangan Kejuruteraan Mekanikal, Cawangan Kerja Kesihatan dan Cawangan Dasar dan Pengurusan Korporat untuk melihat pelaksanaan EKSA di Menara Kerja Raya (Blok G) sebagai bangunan contoh.

Akhir sekali, pihak Urusetia Induk EKSA Jabatan Kerja Raya Malaysia merakamkan jutaan terima kasih kepada pihak JKR WP Kuala Lumpur dan CKM JKR Negeri Johor atas kesudian untuk mengunjungi pejabat ini.

